

**TEKS UCAPAN  
YANG BERBAHAGIA  
PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA**

**MAJLIS MENANDATANGANI  
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**ANTARA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA DAN INSTITUT INTEGRITI  
MALAYSIA**

<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>31 MAC 2023 (JUMAAT)</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>3.00 PETANG – 4.00 PETANG</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>:</b>	<b>CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN, UiTM SHAH ALAM</b>

***Bismillahirrahmanirrahim.***

**[SALUTASI -Kemas kini berdasarkan kehadiran]**

- **Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi**  
Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia;
- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Penolong-penolong Naib Canselor;
- Ketua-ketua Jabatan;
- Ketua-ketua Seksyen daripada Institut Integriti Malaysia;
- Perwakilan Pelajar yang dikasihi;
- Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

***Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.***

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini, sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA dan Institut Integriti Malaysia di atas Persahabatan dan Kerjasama, Galakan Persefahaman Bersama, Akademik, Kebudayaan dan Pemikiran Saintifik serta Pertukaran Kakitangan.

2. Saya berasa sangat bertuah kerana pada hari ini, UiTM sekali lagi secara rasminya akan melebarkan jaringan kerjasama dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti berteraskan integriti.

3. Untuk makluman semua, kolaborasi ini mendokong matlamat untuk memantapkan inisiatif integriti dan tata kelola mahasiswa pendidikan tinggi awam. Mengambil kira jaringan kampus pengajian UiTM di seluruh negara dengan peratus bilangan mahasiswa

yang tinggi, keterlibatan mahasiswa UiTM dijangka dapat memberi gambaran lanskap persepsi Mahasiswa di Malaysia.

4. Sehubungan itu, terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Pegawai Eksekutif serta seluruh warga Institut Integriti Malaysia kerana memberikan ruang dan peluang kepada UiTM untuk menjayakan kolaborasi ini. Semoga ikatan strategik ini menjadi titik tolak kepada hubungan yang lebih erat dan kerjasama kukuh antara kedua-dua pihak pada masa hadapan.

**Hadirin yang saya hormati,**

5. Kajian Indeks Persepsi Integriti dan Tata Kelola Mahasiswa merupakan gerak kerja utama yang disasarkan melalui kolaborasi ini. Kajian ini mendokong objektif untuk mengenal pasti persepsi dan mengukur tahap kesedaran mahasiswa tempatan tentang teras integriti dan tata kelola baik. Indeks kajian dibangunkan

menggunakan lima indikator pengukuran integriti dan lima indikator pengukuran tata kelola merangkumi aspek ketelusan, akauntabiliti, kawalan, undang-undang, etika, kepimpinan, jati diri, kerohanian dan juga budaya.

6. Penglibatan mahasiswa UiTM di seluruh negara sebagai responden kajian bakal menghasilkan satu rujukan baharu kepada negara, selanjutnya, menjadi dokumen penting semua pihak khususnya pihak kerajaan untuk merangka pelan strategik dan dasar yang lebih komprehensif khususnya yang melibatkan mahasiswa dan belia di tanah air.

7. Program usahama ini turut membuka peluang kepada mahasiswa UiTM untuk menyertai menjalani latihan industri di bawah program Profesional Integrity Internship Program (PIIP). Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk terlibat secara langsung dengan aktiviti yang berteraskan integriti, di samping membina jaringan hubungan dengan rakan kerjasama dalam bidang berkaitan.

8. Modul Integriti Mahasiswa menekankan kepentingan ekosistem integriti di dalam organisasi. Penglibatan mahasiswa dan kakitangan UiTM akan turut memperkayakan ilmu dan kemahiran dalam ruanglingkup pengukuhan integriti dan tata kelola baik. Dengan tema “great workforce for the future”, kolaborasi strategik ini diharapkan dapat memupuk generasi pemimpin yang meletakkan integriti sebagai asas utama.

9. Penglibatan staf selaku Panel Penilai dalam pelaksanaan Anugerah, Governans and Anti Rasuah (AIGA) bakal memberi nilai tambah kepada kualiti dan kepakaran staf UiTM dalam bidang yang dibincangkan. Saya yakin, melalui pemeraksanaan program-program tersebut tadi, pelajar dan staf akan mendapat manfaat khususnya dalam tiga aspek utama seperti pendidikan, advokasi dan latihan; penyelidikan dan penerbitan dan kerjasama strategik.

## **Hadirin sekalian,**

10. Untuk pengetahuan semua, kerjasama UiTM bersama pihak IIM adalah selari dengan inisiatif sedia ada yang telah dilaksanakan di UiTM, seperti penginstitutionan Ikrar Bebas Rasuah (IBR), di mana PTJ dikehendaki melaksanakan IBR apabila berlaku perubahan Ketua Pusat Tanggungjawab dan juga lantikan staf baharu. Selain itu UiTM juga telah membangunkan instrumen Audit Pematuhan Etika yang mengkhususkan kepada 12 domain bagi tujuan auditan di seluruhan jabatan di UiTM. Antara domain yang dibangunkan melibatkan Pembuatan Keputusan, Tadbir Urus, Integriti, Moral dan Rasuah.

11. Tambahan, program-program seperti taklimat, webinar dan forum berkaitan pembudayaan integriti dianjurkan secara berkala turut menyentuh kepada aspek pentadbiran, tatacara kewangan, perkhidmatan dan penyampaian. Warga turut diberi pengukuhan

melalui kenyataan pekeliling, penerbitan poster DNA Integriti serta pernyataan soalan lazim berkaitan Akta 605 yang dikongsikan secara strategik melalui platform laman sesawang, media sosial, kumpulan komunikasi sosial seperti whatsapp ketua pentadbir secara konsisten kepada semua pusat tanggungjawab di UiTM seluruh Malaysia.

12. Suka juga saya maklumkan di sini bahawa satu Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan untuk memperhalusi dan memantau secara keseluruhan program-program yang akan dilaksanakan di dalam MoU tersebut. Keanggotaan Jawatankuasa ini nanti akan melibatkan staf UiTM, IIM dan wakil pelajar.

13. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk melihat keberkesanan pelaksanaan program yang telah dirancang, dan seterusnya mencadangkan mekanisme yang sesuai bagi menambah baik pelaksanaan program tersebut.



14. Insya-Allah, dengan pewujudan tadbir urus yang jelas ini, sasaran pelaksanaan program-program yang dirancang melalui kolaborasi ini akan dilaksanakan dengan jayanya.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

15. Saya percaya, dengan adanya pelaksanaan program-program yang terselaraskan di peringkat nasional, akan dapat membantu mencapai aspirasi Kerajaan untuk melahirkan pelajar warga Malaysia yang mempunyai nilai-nilai murni, berintegriti, wibawa, telus dan berketerampilan.

**Sekian.**

**Wabillahitaufiq wal hidayah.**

**Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**